

Tradisi “Merantau” Masyarakat Melayu Berdasarkan Puisi Tradisional (Pantun)

The Tradition of “Merantau” in the Malay Society based on Traditional Poetry (Pantun)

Faezah Kassim¹, Norazlan Hadi Yaacob²

¹Pusat Pencetus Bakat dan Latihan Industri (CITra), Universiti Malaya.

²Jabatan Pengajian Kemasyarakatan dan Kewarganegaraan, Fakulti Sains Kemanusiaan,
Universiti Pendidikan Sultan Idris.
Emel: norazlan@fsk.upsi.edu.my

Abstrak

Tradisi “merantau” dalam kalangan orang Melayu mempunyai ciri dan fungsinya yang tersendiri hingga menjadikannya satu tradisi yang istimewa dalam budaya mereka. Kajian ini menyentuh beberapa suku Melayu iaitu Minangkabau, Mandailing dan Bugis yang merupakan sebahagian daripada suku-suku Melayu yang ada di Malaysia. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti pemikiran dan konsep merantau dalam kalangan orang Melayu serta menganalisis kesan tradisi merantau terhadap mereka. Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks iaitu analisis teks puisi tradisional Melayu khususnya pantun bagi memahami konsep merantau. Rujukan terhadap sumber primer dan sekunder juga dilakukan untuk menjelaskan kesan merantau kepada orang Melayu. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa walaupun terdapat perbezaan di dalam pemikiran dan konsep merantau tetapi ia tidak ketara kerana orang Melayu merantau dengan tujuan yang sama iaitu untuk mengubah taraf hidup sama ada untuk menuntut ilmu, mencari rezeki dan jika secara paksa adalah kerana tekanan hidup termasuklah akibat perperangan. Tradisi merantau dilihat telah memberi kesan dalam perubahan status atau kedudukan dalam masyarakat. Orang Melayu perantau menunjukkan kemampuan untuk berpengaruh dalam politik iaitu sama ada di istana mahu pun di dalam pentadbiran kerajaan. Peningkatan taraf ekonomi golongan perantau juga berlaku dan ini merupakan tujuan utama sebahagian besar daripada mereka melakukan amalan merantau.

Kata kunci: merantau, orang Melayu, pemikiran, pantun.

Abstract

The tradition of “migration” among the Malay community has its own characteristics and functions that has become a special tradition in their culture. This study touches on some of the Malay ethnic groups such as the Minangkabau, Mandailing and Bugis that exist in Malaysia. The objective of this study is to identify the thoughts and concepts of the tradition of migration among the Malays. The methodology includes the analytical study of Malay texts especially the Malay traditional poetry or the “pantun” in order to understand their concept of migration. The reference to the primary and secondary sources are also conducted to explain the impact of migration on the Malay community. The study shows that there exist differences in the thought and concept of migration but has the same aim of improving their standard of living, searching for knowledge or forced migration due to the pressure of life including war. It is observed that the tradition of migration has impacts on the change of status in society. The migrated Malays show their ability to influence the politics of the Palace and the government administration. It is observed that migration has improved the economic status of the Malay community, as it was the main aim of the process of migration.

Keywords: merantau, the Malay, thoughts, pantun.

Pengenalan

Orang Melayu kaya dengan amalan budaya warisan yang telah dilaksanakan sekian lama dan diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi. Salah satu daripada amalan tersebut ialah tradisi “merantau” yang mana ia mempunyai ciri dan fungsi tersendiri hingga menjadikannya satu tradisi yang istimewa dalam budaya mereka. Keistimewaan tradisi merantau ini sering menjadi kajian tetapi fokus lebih diberikan kepada suku Minangkabau sedangkan suku Melayu yang lain juga mempunyai tradisi

merantau tetapi kurang diberi perhatian. Oleh itu, kajian ini menyentuh beberapa suku Melayu iaitu Minangkabau, Mandailing dan Bugis sebagai fokus perbincangan. Suku-suku ini dipilih kerana mereka lebih jelas mempunyai tradisi dan amalan merantau dalam budaya. Pemikiran orang Melayu terhadap tradisi merantau dapat diuraikan dengan menganalisis pantun Melayu, seterusnya dapat menjelaskan kepentingan tradisi ini dalam amalan budaya masyarakat Melayu. Perkembangan masyarakat Melayu seawal abad ke-16 turut disentuh iaitu bermula dengan aktiviti merantau yang berlaku secara besar-besaran sehingga tempoh selepas merdeka. Ini memperlihatkan kesan merantau iaitu perubahan taraf hidup dalam kalangan masyarakat Melayu.

Objektif dan Kaedah Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti pemikiran dan konsep merantau dalam kalangan orang Melayu serta menganalisis kesan tradisi merantau terhadap mereka. Kaedah analisis teks dilakukan terhadap teks puisi tradisional Melayu khususnya pantun bagi memahami konsep merantau. Selain itu, rujukan terhadap sumber primer dan sekunder turut dilakukan. Sumber primer terdiri daripada dokumen dan laporan British pada zaman penjajahan. Manakala sumber sekunder yang digunakan adalah hasil kajian dan tulisan lepas. Sumber primer dan sekunder ini dapat menjelaskan perkembangan masyarakat Melayu dan kesan daripada tradisi merantau.

Konsep dan Takrif

Orang Melayu dan puisi tradisional, khususnya pantun sememangnya tidak dapat dipisahkan. Jiwa orang Melayu seolah-olah terikat dengan bentuk dan cara pengungkapan melalui pantun. Pantun begitu mesra dengan jiwa orang Melayu kerana unsur keindahannya. Bentuk pantun menjadi satu saluran yang amat berkesan bagi menyampaikan perasaan yang halus. Orang Melayu terkenal dengan cara tersendiri dalam menyampaikan mesej, ditambah dengan mesej yang halus tetapi tajam. Mesej yang ingin ditekankan tetapi tidak dengan cara memberi malu atau melukakan hati pelbagai pihak yang dituju (Nik Safiah Karim, 2006: 136). Justeru, perbincangan mengenai “merantau” dalam kalangan orang Melayu menggunakan pantun dalam menganalisis amalan tersebut kerana pantun merupakan ringkasan suatu pemikiran yang disampaikan secara kiasan atau sindiran, maka sudah tentu pemikiran atau falsafah itu mengandungi rahsia pemikiran, tabiat dan perasaan orang Melayu (Zalila Sharif, 2006: 165).

Takrif orang Melayu, sebagaimana yang lazim di Indonesia, merujuk kepada orang yang beragama Islam, berbahasa Melayu dalam kehidupan sehari-hari dan mengikut adat istiadat Melayu (Tengku Luckman Sinar, 1998: 511). Berdasarkan definisi dari segi budaya ini, orang Melayu ditanggapi sebagai kumpulan etnik yang berbeza daripada kumpulan etnik yang terdapat di Sumatera, Utara seperti orang Batak, Mandailing, Minangkabau, Jawa dan sebagainya (Mohamed Salleh Lamry, 2004: 75). Istilah Melayu boleh juga ditakrifkan berdasarkan rumpun bangsa dan bahasanya iaitu Melayu tergolong di dalam cabang Melayu-Indonesia yang mengelompokkan bersama-sama suku Jawa, Sunda, Madura, Aceh, Minangkabau, Sasak, Melanau, Iban, Bajau, Murut, Bugis, Sulu dan sebagainya. Cabang Melayu-Indonesia terangkum pula dalam Rumpun Bahasa Austronesia (Hashim Musa *et al.*, 2001: 163). Namun di Malaysia, istilah Melayu ditakrif mengikut undang-undang dan penggunaan istilah ‘Bumiputra’. Dari segi undang-undang, sebagaimana yang tercatat dalam Perlembagaan negara, erti Melayu ialah “...seorang yang menganuti agama Islam, bertutur dalam bahasa Melayu dan menurut adat istiadat Melayu” (Syed Husin Ali, 2008: 3).

Dunia atau Alam Melayu adalah seluruh wilayah yang dikenali sebagai Kepulauan Melayu yang merujuk Malaysia dan Indonesia sebagai wilayah induknya. Melayu dalam konteks ini sebahagiannya terdiri daripada pelbagai suku bangsa dari Nusantara selain Melayu tulen. Antaranya termasuklah mereka yang terdiri daripada suku Aceh, Batak, Minangkabau, Jawa, Bugis dan orang Asli. Terdapat juga pelbagai bangsa dari luar Alam Melayu seperti Tamil, Arab dan Cina. Mereka yang berasal dari luar Alam Melayu ini telah meninggalkan bahasa suku mereka dan mengambil alih bahasa Melayu, dan apa yang menandai mereka semua ialah satu kesetiaan yang luar biasa terhadap Islam dan apa yang diistilahkan sebagai adat resam Melayu (Ismail Hussein, 1991: 101). Rumpun Melayu di Malaysia, Indonesia, Brunei, Singapura, Selatan Thailand, Filipina serta belasan rumpun Melayu lainnya, majoriti adalah beragama Islam.

Istilah merantau bermakna “untuk meninggalkan kampung halaman atau negeri asal” (Tsuyoshi, 1989: 12). Istilah yang lebih sering digunakan dalam konteks moden adalah migrasi. Migrasi merujuk kepada pergerakan penduduk dari satu kawasan ke satu kawasan yang lain, sama ada melibatkan jarak kawasan yang dekat atau jauh, dan berlaku secara individu atau berkumpulan. Pergerakan penduduk berlaku sejak zaman awal kewujudan manusia dan pada zaman moden ini diteruskan dalam bentuk sama ada migrasi dalam negara atau melibatkan luar negara. Dari perspektif yang lebih luas migrasi ialah perubahan tempat tinggal secara tetap atau separuh tetap. Tiada batas bagi jarak perpindahan, faktor yang menyebabkan perpindahan berlaku sama ada sukarela atau terpaksa (Norhayati Ab. Rahman, 2014:193).

Dalam konteks pergerakan penduduk di dunia Melayu, aktiviti migrasi lebih dikenali sebagai “merantau”. Dari segi etimologi, merantau berasal daripada kata “rantau” yang bermaksud pantau sejauh teluk atau sungai. Makna lain “rantau” merujuk daerah atau negeri di luar daerah atau negeri sendiri iaitu negeri tempat mencari penghidupan (kamus Dewan, 1993: 1028). Perkataan “merantau” dengan awalan “me” pula membawa maksud “pergi ke rantau” atau berjalan, belayar atau mengembara mencari penghidupan dan lain-lain (1993: 1029). Aktiviti merantau melibatkan beberapa elemen utama iaitu meninggalkan kampung halaman, dengan kemauan sendiri, untuk jangka waktu yang lama atau tidak, dengan tujuan mencari penghidupan baru, untuk menuntut ilmu atau mencari pengalaman, biasanya dengan maksud kembali pulang dan merantau merupakan lembaga sosial yang membudaya (Mokhtar Naim, 1979: 18). Aktiviti migrasi atau merantau merupakan salah satu gejala sosial yang sangat tua tidak mungkin terlepas daripada perkembangan sosial, politik dan ekonomi pada umumnya (Robinson & Crey, 2000; Norhayati Ab. Rahman, 2014: 194).

Dalam kajian ini, pemikiran orang Melayu terhadap merantau dilihat berdasarkan puisi-puisi tradisional khususnya pantun. Analisis terhadap puisi-puisi ini bersesuaian kerana menurut Mohd. Yusof Md. Nor dan Abd. Rahman Kaeh (1991: V):

“Puisi-puisi lama itu merupakan warisan leluhur kita yang lahir dari daya kreatif, berdasarkan pemikiran dan pengalaman orang tua-tua. Puisi-puisi yang beraneka ragam bentuknya itu dicipta atau digubah dengan menampilkan warna suasana masyarakat Melayu, dan dilatari pula kekayaan alam semulajadi, iaitu alam Melayu. Justeru itu puisi-puisi Melayu lama amat cepat mesra dan digemari oleh masyarakat Melayu suatu ketika dahulu, bahkan sebahagiannya dapat bertahan sejak dahulu hingga sekarang.”

Tradisi keintelektualan Melayu boleh dilihat pada hasil kesusastraan yang terdiri daripada bentuk lisan dan tulisan yang berkembang secara terus menerus selaras dengan perkembangan tamadun Melayu. Sastera lisan misalnya yang diperturunkan daripada satu generasi ke satu generasi melalui proses sosialisasi anggota masyarakat merupakan satu unsur *local genius* kebijaksanaan tempatan yang memperlihatkan kekreatifan dan kebijaksanaan berfikir anggota masyarakatnya yang bermula pada zaman praliterasi. Bentuk sastera lisan tersebut adalah seperti cerita penglipur lara, cerita nasihat, cerita binatang, mitos, lagenda, cerita asal usul dan lain-lain. Bentuk ucapan lisan yang lain seperti pantun, peribahasa, simpulan bahasa, pepatah-petitih, seloka dan seumpamanya menampakkan ciri-ciri akal budi dan kebijaksanaan orang Melayu menangani segala gelagat penghidupan yang berhasil daripada proses pengintelektualan orang Melayu sepanjang zaman (Abu Hassan Sham *et. al.*, 2001: 179).

Pantun merupakan puisi Melayu yang popular berdasarkan kepada penggunaannya yang paling meluas. Bukan itu sahaja, puisi ini juga yang paling mendapat perhatian para pengkaji untuk diteliti, tidak kira pengkaji tempatan ataupun pengkaji luar. Pantun juga merupakan puisi Melayu yang tidak diragukan sifat keasliannya. Harun Mat Piah (1989) telah memberikan definisi pantun berdasarkan aspek dalaman dan luaran. Aspek dalaman pantun meliputi unsur estetik dan isi (tema dan persoalan). Unsur estetik pantun dapat dilihat berdasarkan dua aspek. Pertama, yang berkaitan penggunaan lambang-lambang tertentu yang terdapat dalam pantun mengikut tanggapan dan pandangan dunia masyarakat Melayu dan yang kedua, berdasarkan hubungan makna antara pasangan pembayang dengan pembayang maksud sama ada secara konkret atau abstrak. Pantun yang merupakan sebahagian daripada tradisi keintelektualan Melayu mampu menjelaskan pengetahuan, pemikiran dan tingkah laku orang Melayu kerana ia merupakan rakaman atau pendokumentasian perkara-perkara penting yang berlaku

sepanjang perkembangan tamadun Melayu. Nilai budaya orang Melayu yang membentuk identiti mereka dapat dikesan melalui tafsiran pantun yang dihasilkan oleh bijak pandai Melayu.

Pemikiran Orang Melayu terhadap Merantau

Bagi menjelaskan pemikiran orang Melayu terhadap merantau, tumpuan dilakukan ke atas tiga suku Melayu iaitu Minangkabau, Mandailing dan Bugis. Dalam kalangan orang Minangkabau, selain kepercayaan yang kuat terhadap agama Islam, ciri lain yang biasa dikaitkan dengan orang Minangkabau ialah merantau dan adat. Rantau pada mulanya bermakna pantai, tempat berakhirnya sebatang sungai dan ‘luar negeri’ atau negara asing. Merantau bermaksud keluar negeri meninggalkan kampung halaman, belseyar mengikut aliran sungai dan seterusnya. Dalam konteks orang Minangkabau, merantau selalunya dikaitkan dengan maknanya yang kedua iaitu meninggalkan kampung halaman untuk mencari kekayaan, ilmu dan kemasyhuran (Tsyuyoshi, 1989: 4).

Bagi masyarakat Mandailing, merantau bererti membuka petempatan baru dan menguasainya sebagai sebahagian daripada “kerajaan Batak”. Dalam konsep masyarakat Batak terutamanya anak lelaki dan tanah melambangkan kekuasaan dan kekayaan bagi mereka yang telah menguasai sesuatu kawasan (Budi Rajab, 2004: 21). Orang Mandailing yang dilahirkan di Malaysia sentiasa diperingatkan akan asal bangsanya dan kepada mereka ditanam rasa cinta akan keturunannya. Sikap ini ada ditanam secara terus oleh ibu bapa, datuk nenek atau orang dan tokoh sebangsa (Haji Muhammad Bukhari Lubis, 2005: 2). Oleh itu, walaupun mereka merantau sejauh mana sekalipun, mereka tidak akan terputus hubungan dengan keluarga di kampung asal.

Masyarakat Bugis pula menjadikan aktiviti belseyar, mengembara, berdagang dan merantau sebagai suatu tradisi utuh dalam kehidupan mereka. Sebagai suku bangsa yang terkenal dalam aktiviti pelayaran, pelaut Bugis telah mengembangkan suatu kebudayaan maritim sejak beberapa abad yang lalu. Istilah ‘sompe’ yang bermaksud belseyar dalam masyarakat Bugis juga bererti merantau yang mana ia merupakan pemungkin dalam kalangan mereka untuk meninggalkan kampung halaman sekiranya hidup mereka berada dalam keadaan tertekan. Terjadinya penghijrahan besar-besaran pada abad ke-17 dan awal abad ke-18 dalam kalangan masyarakat Bugis Sulawesi Selatan adalah kerana salah satu akibat dari rasa tertekan tersebut. Mereka telah berhijrah ke Sumbawa, Lombok, Bali, Jawa, Sumatera, Borneo dan Semenanjung Tanah Melayu. Kedatangan masyarakat Bugis ke Semenanjung Tanah Melayu dalam jumlah yang besar berlaku pada zaman kolonial Inggeris iaitu pada suku akhir abad ke-19 dan berterusan sehingga masa sekarang. Kebanyakan masyarakat Bugis telah memilih Johor sebagai destinasi penghijrahan (Rahilah Omar et. al., 2009: 42).

Pantun yang merupakan sebahagian daripada puisi tradisional telah menyentuh hampir seluruh kehidupan masyarakat Melayu jika dilihat dari aspek isi dan persoalan. Begitu juga dengan pantun yang mempunyai perkaitan dengan merantau. Setiap pantun yang dihasilkan oleh perantau ini mempunyai maksudnya yang tersendiri terutamanya berkait dengan perasaan mereka setelah berada di perantauan. Di dalam konteks kajian ini, orang Melayu mempunyai amalan merantau dan memperlihatkan sifat berani dan gagah bagi kaum lelaki, namun hakikatnya mereka mempunyai perasaan yang halus kerana segala kesedihan, kerisauan dan kerinduan adalah perasaan yang ketara sering menguasai mereka dan diluahkan melalui pantun. Salah satu pantun tradisional Melayu yang berkaitan dengan kesedihan (<http://mypantun.blogspot.my/>):

Ribu-ribu jalan ke Kandis,
Landak membawa geliganya,
Bondaku tinggal jangan menangis,
Anakanda pergi membawa nasibnya.

Singkarak kotanya tinggi,
Asam pauh dari seberang,
Kekanda berangkat ditangisi,
Badan terbuang di rantau orang.

Selasih di tebing tinggi,
Kalau tinggi berdaun jangan,
Anakanda pergi bonda tangisi,
Alamat dagang mati beragan.

Asam pauh dari seberang,
Tumbuhnya dekat tepi tebat,
Dagang jauh di rantau orang,
Sakit siapa akan mengubat?

Telur cicak dalam dulang,
Entah bertulang entahkan tidak,
Sudah sampai negeri orang,
Entah pulang entahkan tidak.

Duduk berjuntai di atas batu,
Sambil mengetuk si akar tuba,
Berdagang ke tempat yang belum tentu,
Macam menempah maut kan tiba.

Merantau atau berdagang menjadi renungan bagi penghasil pantun kerana berbagai masalah yang dihadapi oleh perantau tidak akan mendapat sokongan keluarga atau teman. Selain kesunyian, bantuan dalam lain-lain aspek juga sukar diperolehi apabila berada di perantauan. Antara pantun orang berdagang atau merantau yang menyatakan tentang ketiadaan teman ialah (Muhammad Haji Salleh, 2006: 21):

Anak-anak di kayu tinggi,
Tempat galah si daun pisang,
Anak dagang menumpang di sini,
Bajulah basah kering di pinggang.

Pak Tani mengasah parang,
Parang disimpan di atas para,
Dagang seorang di negeri orang,
Tiada teman tiada saudara.

Ikatan perantau dengan masyarakat di kampung asal, dapat dilihat apabila mereka menunjukkan keprihatinan kepada individu yang ingin merantau dengan memberi nasihat. Pengalaman yang diperolehi semasa merantau akan dikongsi bersama melalui pantun. Antaranya ialah:

Pisang kelat digonggong helang,
Jatuh ke lubuk Inderagiri,
Kalau berdagang ke tempat orang,
Baik-baik membawa diri.

Baju baru dalam almari,
Baju dijahit tukang pilihan,
Kalaularah pandai membawa diri,
Ke mana pergi pun orang kasihan.

Hubungan yang kuat dengan keluarga menyebabkan perantau Melayu akan pulang juga ke kampung asal mereka. Ini berikutan dengan perasaan rindu dan ingatan kepada ibu bapa yang tidak pernah padam telah menguatkan azam dan keinginan untuk tetap pulang suatu hari nanti. Ingatan dan hasrat ini juga dinyatakan di dalam pantun antaranya ialah:

Berbuah pokok setambun tulang,
 Jangan dibuat ramuan santau,
 Jikalau untung anakanda pulang,
 Jikalau rugi hilang di rantau.

Anak enggang di kayu tinggi,
 Patah ranting terbanglah ia,
 Anak dagang tak lama di sini,
 Sampai musim pulanglah ia.

Dari mana hendak ke mana,
 Tinggi rumput dari padi,
 Tahun mana bulan mana,
 Dapat kita berjumpa lagi?

Berdasarkan pantun di atas, bersesuaian dengan pandangan Pelly (1994), yang menyatakan bahawa orang lelaki Melayu khususnya Minangkabau menunjukkan kesetiaan terhadap keluarga dan daerah asal melalui amalan mengirim wang ke kampung halaman untuk membeli tanah dan membina rumah bagi isteri atau saudara perempuan. Menurut Budi Rajab, orang Minangkabau dan juga Mandailing yang merantau ke bandar didorong oleh misi budaya tertentu. Misi budaya adalah matlamat yang ingin dicapai oleh seseorang dari sesebuah masyarakat berdasarkan kepada nilai dominan dalam pandangan semesta masyarakat tersebut. Misi budaya inilah yang menggerakkan fasa awal migrasi dan misi ini tetap berlaku dan berterusan walaupun ramai orang Minangkabau menyatakan daerah rantau sebagai petempatan tetap mereka (2004: 19).

Orang Mandailing juga mempunyai sikap yang suka merantau. Mereka merupakan masyarakat perantau yang gigih berjuang dan pandai bergaul serta menerima dan mengamalkan budaya masyarakat tempatan. Merantau di sini bukan bermaksud menghilangkan asal usul dan jati diri hingga melebur masuk ke dalam masyarakat tempatan dan menghapuskan jati diri. Prinsip yang dipegang ialah tanah kelahiran dan tempat pengebumian tidak semestinya sama, namun sikap dan keperibadian tetap sama di mana sahaja berada. Masyarakat Mandailing yang mempunyai nilai budaya kaum yang tersendiri iaitu dari segi kekerabatan yang mencakupi hubungan primordial suku, kasih sayang atas dasar hubungan darah, kerukunan, serta segala yang berkaitan dengan hubungan kekerabatan pernikahan, peranan setia kawan, marga dan lain-lain (Haji Muhammad Bukhari Lubis, 2005: 3). Jelaslah bahawa nilai budaya mereka telah mengikat mereka untuk mengingati kampung halaman, suku dan adat budaya. Sikap rajin dan gigih bekerja serta kuat semangat menjadi pegangan di perantauan dan mendorong mereka untuk berusaha mencapai kejayaan supaya dapat memberi kebanggaan kepada saudara mara di kampung halaman.

Berikut merupakan tambahan pantun tradisional berkenaan anak dagang (<https://penyair.wordpress.com/tag/pantun-perantau/>).

Permatang rimba bersuluh terang,
 Ranting bersilang taut pegaga,
 Dagang hamba jauh di seberang,
 Membanting tulang buat keluarga.

Ke Kuala Sedili mencari kerang,
 Kerang dibawa di dalam perahu,
 Sungguh jauh di rantau orang,
 Menangis di hati siapa yang tahu.

Masam manis buah kuini,
 Jangan pula makan melampau,
 Walau berkurun aku di sini,
 Tapi masih dipandang perantau.

Air diangkut di dalam timba,
Menyiram bunga tanam merata,
Usah diikut rasanya hiba,
Rindu tak terubat dek airmata.

Bayang redup si pohon kelapa,
Tempat berteduh si anak rusa,
Dagang tidak membawa apa,
Mengapa pergi menanggung dosa.

Naik sampan nak ke seberang,
Pergi bersama dengan si dara,
Hamba dagang di negeri orang,
Jauh dari sanak saudara.

Buah delima tinggalnya satu,
Tempat bersarang semut dan kerengga,
Sungupun jauh beribu batu,
Namun yang tercinta dikenang juga.

Daun gelenggang pengubat santau,
Pohnnya condong tumbuh berjejeran,
Anak dagang asing di rantau,
Jangan lupakan desa kelahiran.

Silau persada berjejal bintang,
Indah purnama di Kuala Rusa,
Kalau tiada aral melintang,
Pulanglah jua hamba ke desa.

Amalan Merantau Dan Kesannya kepada Orang Melayu

Berdasarkan kepada pemikiran orang Melayu terhadap amalan merantau, jelas menunjukkan bahawa tujuan merantau adalah untuk mendapatkan kehidupan yang lebih baik. Seharusnya, orang Melayu yang telah merantau menunjukkan transformasi dalam kehidupan sama ada dari segi status sosial dan ekonomi. Secara keseluruhannya, sifat manusia sebagaimana dalam sejarah manusia adalah satu proses perubahan sosial yang panjang lagi kompleks dan masyarakat yang kontemporari adalah masyarakat yang sentiasa berubah-ubah. Perubahan sosial secara umumnya adalah satu fenomena multi-dimensi yang mempunyai kesan terhadap masyarakat umum, keluarga, industri, pekerjaan, pendidikan dan petunjuk perubahan yang lain yang berkaitan dengan struktur sosioekonomi (Rahimah Abd. Aziz & Mohamed Yusof Ismail, 2002). Oleh itu, apabila berlakunya perubahan kepada golongan perantau akan juga memberi kesan kepada keluarga, masyarakat dan semua yang berkaitan dengan mereka.

Merantau secara besar-besaran telah dikesan berlaku pada abad ke-17 dan awal abad ke-18 dalam kalangan masyarakat Bugis Sulawesi Selatan disebabkan oleh keadaan yang tertekan di tanah asal (Chrisitian Pelras, 1997). Mereka berhijrah ke Sumbawa, Lombok, Bali, Jawa, Sumatera, Borneo dan Semenanjung Tanah Melayu. Kebanyakan masyarakat Bugis memilih Johor sebagai destinasi penghijrahan. Ia berikutan situasi semasa pemerintahan Belanda dan Jepun di Indonesia serta situasi zaman Perang Dunia Kedua. Merantau bagi orang Bugis telah berlangsung lama di Kepulauan Nusantara kesan perang Belanda dan Makasar terutama setelah runtuhnya Benteng Somba Upu (Andi Ima Kesuma, 2004).

Orang Bugis yang merantau ke Tanah Melayu telah membolehkan berlakunya penguasaan terhadap aspek politik. Mereka telah menetap dengan aman di wilayah Johor menjelang pertengahan kurun ke-17 (Leonard Y. Andaya, 1987: 21). Sejarah Bugis di Tanah Melayu sebenarnya bermula seawal tahun 1718, apabila Raja Sulaiman putera Sultan Johor-Riau-Lingga ke-11, Bendahara Paduka

Tun Abdul Jalil iaitu sultan berketurunan Wangsa Bendahara yang pertama menggunakan orang Bugis dari Luwok, Makasar kecil yang berkampung di Kelang untuk mendapat balik kerajaan Johor-Riau-Lingga dari Raja Kecil. Sebaik sahaja orang Bugis menerima persetujuan dari Raja Sulaiman, angkatan Bugis Luwok terus datang dengan tujuh buah kapal menuju ke pusat kerajaan Johor-Riau di Riau untuk menyerang. Kerajaan Johor-Riau kalah dalam perang ini dalam tahun hijrah 1134. Sebagai upah, Raja Sulaiman bersetuju untuk melantik seorang Bugis Luwok menjadi Yang Dipertuan Muda di Riau bagi mempertahankan agama dan kerajaan Johor, Riau dan Linda diserang dari luar dan dalam (Norhayati Ab. Rahman, 2014: 210).

Golongan Melayu yang merantau telah menunjukkan pencapaian yang lebih baik dalam kehidupan mereka. Kedatangan peneroka Bugis ke Johor semakin meningkat menjelang akhir kurun ke-19 disebabkan peranan penting yang dimainkan oleh nakhoda dan pedagang Bugis yang menetap di Singapura dan di Kepulauan Riau. Sebagai pedagang hasil hutan dan hasil tanaman pasaran, mereka memang lebih mengetahui hasil yang memberikan laba yang banyak lagi menguntungkan. Mereka juga mengetahui tempat-tempat yang paling sesuai untuk aktiviti pertanian. Sehubungan itu mereka telah memaklumkan peluang itu kepada sanak saudara mereka. Sehingga ada di antara mereka yang meneruskan usaha pertanian padi merantau sehingga ke pantai Sumatera seperti Kuala Kampar dan Jambi. Mereka yang suka berdagang akan merantau ke Singapura. Bagi mereka yang berminat untuk mengusahakan aktiviti pertanian akan merantau ke Pontianak atau ke Tanah Melayu (Rahilah Omar et. al., 2009: 56). Pada tahap berikutnya kebanyakan mereka yang lebih berjaya khususnya mereka yang menetap di Kukup, Benut dan Rengit turut memainkan peranan penting dalam menarik kemasukan perantau Bugis untuk merantau ke Tanah Melayu. Kedatangan perantau Bugis ke Johor telah banyak menjayakan pembangunan negeri Johor. Peranan mereka sebagai peneroka hutan dan pembina petempatan luar bandar adalah antara aspek terpenting yang membentuk persejarahan negeri Johor (Rahilah Omar et. al., 2009: 56).

Amalan merantau ini bukan sahaja memberi impak positif kepada individu yang merantau tetapi juga telah memberi manfaat kepada masyarakat di mana mereka berhijrah. Amalan merantau orang Melayu terutamanya dari Indonesia ke Tanah Melayu sekitar era 1900-an telah mengubah demografi orang Melayu. Imigran Melayu yang berasal dari Indonesia terutamanya Jawa dan Sumatera juga telah mempengaruhi jumlah penduduk Melayu di pantai barat Semenanjung Tanah Melayu. Berlakunya peningkatan jumlah mereka sebanyak 21.3 peratus pada tahun 1921 daripada tahun 1911. Orang Melayu adalah seramai 420,840 orang pada tahun 1911 berbanding 510,821 orang pada tahun 1921 iaitu peningkatan seramai 89,981 (Nathan, 1933: 31). Kemasukan orang Melayu terutamanya dari Indonesia sememangnya rancak berlaku sejak awal abad ke-20 kerana kemakmuran dan keamanan yang berlaku di Tanah Melayu (Pountney, 1911: 51). Semasa perkembangan getah, orang Melayu telah dibawa masuk sebagai buruh di ladang getah. Di dalam *Report of the Commission Appointed to Enquire into the Conditions of Indentured Labour in the Federated Malay States*, terdapat penjelasan mengenai keadaan orang Melayu yang datang dari Indonesia. Jumlah sebenar mereka tidak dapat diberikan secara tepat kerana hanya pada 1 Mac 1910 barulah usaha untuk mengenalpasti jumlah golongan ini dijalankan. Jumlah mereka yang masuk ke Tanah Melayu pada tahun 1930 adalah seramai 4,234 orang dan pada tahun 1933 pula seramai 3,037 orang (*Annual Report of the Labour Department, Malaya*, 1934).

Penghijrahan golongan pekerja dari Indonesia ini penting dalam tempoh 1900-an kerana telah menyumbang kepada peningkatan jumlah orang Melayu di Tanah Melayu yang tidak seimbang dengan kedatangan kaum Cina dan India ketika itu. Jumlah kaum bukan Melayu telah melebihi jumlah orang Melayu. Pihak British menyedari tentang jumlah orang Melayu yang kurang daripada orang bukan Melayu dan sesuatu tindakan perlu diambil oleh mereka bagi mengawal imigrasi orang Cina serta mengurangkan peningkatan perselisihan antara orang Melayu dan Cina (Comber, 1988: 16). Sikap pemerintah British terhadap Melayu pendatang adalah berbeza dengan golongan imigran daripada kaum Cina dan India. British menggalakkan Melayu pendatang untuk tinggal menetap di Tanah Melayu dengan alasan mereka ini adalah buruh yang baik. Perkara ini dinyatakan terhadap orang Melayu dari Indonesia digalakkan untuk dibawa masuk dalam jumlah yang lebih ramai kerana kecekapan mereka bekerja sebagai penoreh getah (*Annual Report of the Labour Department, Malaya*, 1934). Buruh ini juga dibawa masuk untuk bekerja di ladang tebu berdasarkan kepercayaan peladang yang melihat mereka sesuai untuk bekerja di ladang tersebut. Tindakan yang dilakukan oleh peladang untuk membawa masuk buruh dari Indonesia ialah pada tahun 1903, apabila mantan Pengerusi *United*

Planters' Association sendiri telah ke Indonesia untuk mendapatkan lebih banyak buruh (*Perak Government Gazette* 1904).

Orang Melayu yang datang dari Indonesia ke negeri-negeri Melayu kebanyakannya terdiri dari orang Aceh, Minangkabau, Rawa, Mandailing dan Bugis. Kesemua mereka ini diterima oleh penduduk Melayu tempatan menjadi sebahagian daripada orang Melayu (Khoo Kay Kim, 1967: 3). Orang Melayu yang merantau dari Indonesia ke Tanah Melayu kemudiannya akan mengikut cara hidup dan berkahwin dengan orang Melayu tempatan. Bagi orang Melayu pendatang yang berhijrah pada peringkat awalnya biasanya hidup terpisah daripada orang Melayu tempatan. Hanya anak mereka atau generasi kedua yang membesar bersama anak orang Melayu tempatan kemudiannya menyerap masuk ke dalam masyarakat Melayu tempatan (Gullick, 1963: 30). Di Kinta, misalnya sejumlah besar orang Melayu ini datang dari Sumatera dan diikuti dari Jawa. Pada tahun 1911, seramai 4,243 orang Melayu Sumatera terdapat di Kinta, di Kuala Lumpur terdapat seramai 3,905 orang dan Ulu Langat seramai 3,199 orang (Pountney, 1911 : 51).

Mereka ini dapat diterima dan menyerap masuk ke dalam masyarakat Melayu tempatan. Keadaan ini secara langsung telah memberi kesan besar kepada orang Melayu tempatan kerana jumlah orang Melayu sebagai natif telah bertambah dan mengurangkan keimbangan orang Melayu terhadap persaingan dengan kaum bukan Melayu. Terdapat perbezaan yang memisahkan orang Melayu pendatang dengan orang Melayu tempatan antaranya ialah perbezaan pakaian dan adat resam. Namun begitu, perbezaan ini adalah kecil kerana dari segi keseluruhaninya latar belakang budaya dan keturunan adalah sama terutamanya dari segi agama dan bahasa. Walaupun berbeza loghat daerah, orang Melayu yang datang dari luar Tanah Melayu masih boleh bersebat dengan orang Melayu tempatan. British juga menganggap orang Melayu sebagai satu entiti yang tunggal iaitu secara menyeluruhnya mereka dianggap sebagai 'Melayu'. Penerimaan ini mudah berlaku kerana agama yang sama dan membolehkan perkahwinan antara mereka. Perkara yang menentukan sama ada persebatian akan berlaku atau tidak ialah keinginan untuk mengubah identiti individu itu sendiri. Ini berlaku dalam kalangan anak-anak Melayu pendatang yang mahu menganggap Tanah Melayu sebagai tanah airnya dan dengan terbuka mereka menerima identiti orang Melayu tempatan (Saunders, 1977: 18). Ini disebabkan oleh nilai orang Melayu yang sering mengingatkan kepada orang merantau supaya pandai menyesuaikan diri di tempat baru. Antara pantun yang menyentuh tentang perkara tersebut adalah (Harun Mat Piah, 2004: 99):

Anak Cina bertimbang madat,
Dari Makasar langsung ke Deli,
Hidup di dunia biar beradat,
Bahasa tidak terjual beli.

Ajung landai kemudi landai,
Landai mari terheret duri,
Adik pandai saya pun pandai,
Jangan pula meninggi diri.

Dekad 1920-an dan 1930-an, orang Melayu telah memperlihatkan perubahan dalam sosio-ekonomi mereka. Amalan merantau yang berlaku dalam kalangan orang Melayu juga mempengaruhi perubahan status mereka. Bagi mendapatkan pendidikan dan pekerjaan yang lebih baik mereka perlu keluar merantau dan meninggalkan kampung halaman. Misalnya orang lelaki di Negeri Sembilan telah keluar dari kampung halaman terutamanya untuk bekerja sebagai polis dan tentera. Manakala dari segi pendidikan bagi mendapatkan tahap pendidikan yang lebih tinggi, mereka perlu untuk berhijrah ke bandar antaranya pada tahun 1920 dan 1930-an lebih kurang 100 orang lelaki Melayu telah datang ke bandar dan menerima pendidikan di peringkat yang lebih tinggi di Seremban dan Tampin (Stiven, 1996: 83). Sememangnya perkara ini dinyatakan di dalam pantun tradisional Melayu yang melihat dua faktor ini iaitu untuk menimba ilmu dan mencari kekayaan mencetuskan keinginan dan menyebabkan anak muda Melayu keluar meninggalkan kampung untuk merantau. Antara pantun yang berkait dengan perantau yang keluar untuk menuntut ilmu ialah:

Burung ketitir membuat sarang,
 Sarang dibuat di rumah tamu,
 Hamba ini seorang pedagang,
 Dagang untuk mencari ilmu.

Baik-baik meniti bendang,
 Tanah yang lecak licin sekali,
 Rupa tiada harta pun kurang,
 Hanya ilmu penyuluhan diri.

Burung terbang di atas perigi,
 Sampan kolek penuh kelapa,
 Mencari ilmu di tempat tinggi,
 Namun asal ku tidak ku lupa.

Puas saya menanam ubi,
 Nenas juga ditanam orang,
 Puas sudah kutanam budi,
 Emas juga dipandang orang.

Manakala pantun yang menyebut tentang merantau dengan tujuan mencari rezeki adalah:

Belayar di laut menaiki kapal,
 Kapal berlabuh di Teluk Sawar,
 Bukannya banyak membawa modal,
 Harapkan untung bila menawar.

Lebat pinang di pinggir kampung,
 Masak setangkai letak di peti,
 Sedih hati mengenang untung,
 Jauh merantau mencari rezeki.

Anak puyuh patahlah kaki,
 Memagut selasih dipinggir kali,
 Susah payah dagang mencari rezeki,
 Rahmat kasih Allah luas sekali.

Girangnya hati sang teruna,
 Bertemu dara di hujung bendang,
 Apalah ada pada hamba,
 Rupa tiada harta pun kurang.

Melalui pendidikan tinggi yang diperolehi, orang Melayu berpeluang untuk menjawat jawatan kerajaan dan memainkan peranan dalam pentadbiran dan politik semasa zaman British. Namun, darah keturunan masih merupakan faktor penting dalam pemilihan untuk menjadi pegawai tetapi selepas merdeka, faktor pelajaran lebih tinggi diutamakan. Dari segi kedudukan politik dan sosial mereka lebih rendah daripada golongan bangsawan tetapi lebih tinggi daripada lapisan bawahan. Sebilangan besar daripada orang Melayu berpendidikan terdiri daripada pegawai tadbir kerajaan. Selain itu, ada antara mereka menjadi ahli perniagaan atau pengusaha yang berjaya dalam bidang perusahaan. Selepas merdeka, bilangan mereka bertambah ramai dan kebanyakannya masih aktif dalam politik atau pun terdiri daripada pesara-pesara dari jawatan penting dalam politik dan pentadbiran (Syed Husin Ali, 2008: 94).

Fenomena penghijrahan dari kawasan pertanian padi ke bandar telah menimbulkan kesan yang mendalam terhadap peningkatan taraf hidup petani yang mana kekurangan tenaga buruh dan peningkatan tanah terbiar bertambah meruncing dengan fenomena yang berterusan ini misalnya di

Kuala Selangor pada 1980-an. Proses pembandaran yang pesat berlaku di Petaling Jaya dan Kelang telah menyebabkan berlaku penghijrahan petani dari daerah Kuala Selangor ke dua daerah ini yang memberi kesan terhadap berkurangnya petani di Kuala Selangor seramai 683 orang walaupun mereka diberi bantuan mengusahakan pertanian (Mohd. Razali Agus, 1993: 82).

Menurut Azizah Kassim (1990: 144), apabila semakin ramai golongan pemuda memperoleh pendidikan di bandar telah menyebabkan tanah di kampung semakin terbiar. Hanya orang muda yang tidak mendapat kerja makan gaji yang mahu melakukan kerja bertani sehingga tanah terbiar semakin meningkat berbanding kawasan lain di luar Negeri Sembilan. Beliau menyalahkan sistem adat perpatih yang bersifat nasab ibu di mana kaum wanita mewarisi harta pusaka dan bertempat tinggal matrilokal sebagai salah satu penyebab pembangunan pertanian dan lain-lain tidak berjalan lancar di Negeri Sembilan,

“Tegasnya, di Negeri Sembilan, dengan adanya Adat Perpatih, maka faktor-faktor yang menyumbang kepada kemerosotan pertanian dan tanah terbiar lebih banyak lagi dari yang terdapat di negeri-negeri lain di semenanjung. Mungkin inilah sebab kenapa masalah tanah terbiar (khasnya tanah sawah) lebih teruk di negeri ini” (Azizah Kasim, 1990: 145).

Namun, adat perpatih sebagai penyebab kepada berlakunya amalan merantau dan berlakunya tanah sawah terbiar tidak dipersetujui oleh Norhalim (1990: 152). Beliau melihat pengamalan adat perpatih yang telah berkang dalam kalangan orang Minang menyebabkan mereka merantau untuk mencari kehidupan yang lebih baik.

“Adat sendiri telah mendasarkan cara kegiatan ekonomi harus dijalankan, tetapi malangnya, sebab keghairahan pengamalannya menerima nilai-nilai baru (barat?) membuatkan mereka lupa akan tradisi nilai adatnya. Bagi saya dalam masyarakat Negeri Sembilan, punca Tanah Pusaka terbiar kerana adatnya terbiar. Masyarakat Adat Negeri Sembilan tidak lagi mengenali adatnya. Apabila falsafah dan nilai adatnya telah terbiar maka segala yang berkaitan dengan hidupnya menjadi terbiar – Tanah pusaka terbiar, rumah terbiar, ternak terbiar dan lebih sedih lagi anak-anak pun terbiar” (Norhalim, 1990: 152).

Orang Mandailing yang mengamalkan sistem kekerabatan patrilineal iaitu berdasarkan garis keturunan pihak lelaki dengan ikatan sistem marga juga mempunyai amalan merantau. Pola merantau orang Mandailing adalah berdasarkan pada misi budaya yang bertujuan untuk meluaskan wilayah (Budi Rajab, 2004: 21). Sehubungan itu, jika dikatakan adat yang mendukung cara hidup sesuatu masyarakat Melayu menentukan kecenderungan amalan merantau, sudah pasti ia tidak tepat sekiranya dilihat secara perbandingan dengan suku kaum Melayu lain.

Mereka yang kebanyakannya berhijrah dari Indonesia telah membuka tanah pertanian di kampung Melayu dan bekerja sebagai petani pada abad ke-20. Misalnya orang Melayu dari Minangkabau telah datang melalui perniagaan dan kemudian meneroka tanah di Negeri Sembilan khususnya di daerah Rembau dan meliputi Kuala Pilah, Jempol dan bahagian lain Negeri Sembilan. Mereka membuat sawah padi dan bertanam lada untuk keperluan hidup dan menjalankan perniagaan (Norhalim, 1999; Andaya, 2010). Peneroka asal Minangkabau bukan hanya menanam padi di sawah, mereka juga menanam sagu di kawasan kekal yang basah, di lereng bukit yang lebih rendah ditumpukan kepada kebun seperti pinang dan kelapa. Di bahagian bawah kaki bukit terdapat ladang yang ditanam dengan padi bukit (padi ladang), tembakau, gula, kopi, lada dan koko serta jagung (Hill, 1977: 130). Kesemua usaha ini menunjukkan kerajinan golongan perantau. Sifat merantau ini harus mempunyai ciri kerajinan kerana tujuan asal merantau adalah untuk mengubah taraf hidup kepada yang lebih baik. Perantau ini biasanya mempunyai sifat kuat berusaha dalam memajukan tanah untuk pertanian. Perkara ini dinyatakan sebagaimana dalam pantun berikut (Harun Mat Piah, 2004: 115):

Mendung si mega mendung,
Mendung datang dari utara,
Jangan selalu duduk termenung,
Kalau termenung rosak binasa.

Mencari palas ke sana sini,
 Barulah ada di simpang empat,
 Siapa bermalas masa ini,
 Kemudian akhirat rugi mendapat.

Kesimpulan

Tradisi merantau yang menjadi amalan dalam kalangan orang Melayu jelas memperlihatkan ciri dan fungsinya yang tersendiri sebagaimana yang digambarkan di dalam pemikiran mereka terhadap merantau. Walaupun terdapat perbezaan di dalam pemikiran tersebut tetapi ia tidak ketara kerana orang Melayu merantau dengan tujuan yang sama iaitu untuk mengubah taraf hidup sama ada untuk menuntut ilmu, mencari rezeki dan jika secara paksa adalah kerana tekanan hidup termasuklah akibat pererangan. Fokus kajian yang melihat penghijrahan orang Melayu dari Indonesia ke Malaysia atau Tanah Melayu suatu ketika dahulu menjelaskan bagaimana penerimaan orang Melayu tempatan terhadap orang Melayu perantau ini adalah tinggi. Mereka telah menyerap masuk ke dalam masyarakat Melayu tempatan dan diberi status sebagai Melayu natif. Malahan penerimaan ini juga diiktiraf oleh pemerintah British ketika itu. Orang Melayu perantau juga menunjukkan kemampuan untuk berpengaruh dalam politik iaitu sama ada di istana mahu pun di dalam pentadbiran kerajaan. Penguasaan terhadap ekonomi tidak dapat dinafikan kerana itu adalah tujuan utama sebahagian besar daripada perantau. Mereka sama ada bekerja makan gaji, membuka tanah pertanian ataupun berniaga telah membuktikan kebolehan untuk meningkatkan hasil pendapatan dan memberi sumbangan kepada masyarakat Melayu seluruhnya.

Rujukan

- Abu Hassan Sham, Hashim Ismail, Hashim Musa, Rahmah Bujang & Yaacob Harun. (2001). "Bahasa, Kesusasteraan, Kesenian, Proses Sosialisasi dan Pembudayaan Masyarakat Melayu". Dlm. *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Andaya, Leonard Y. (1987). *Kerajaan Johor 1641-1728: Pembangunan Ekonomi dan Politik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Annual Report of the Labour Department, Malaya*, 1934.
- Azizah Kasim. (1990). "Adat Perpatih, Tanah dan Pembangunan Pertanian di Negeri Sembilan". Dlm. Norazit Selat (penyunting). *Negeri Sembilan Dulu dan Sekarang*. United Selangor Press Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Budi Rajab. (2004). "Kebudayaan, Kekerabatan dan Perantauan: Catatan Atas Tesis yang Deterministik". *Jurnal Masyarakat dan Budaya*. Vol VI. No. 1.
- Comber, Leon. (1988). *13 May 1969: A Historical of Sino-Malay Relations*. Singapore: Graham Brash (Pte) Ltd.
- Haji Muhammad Bukhari Lubis. (2005). "Persepsi Orang Mandailing Malaysia Terhadap Orang Mandailing Asal di Indonesia". Seminar Za'ba Mengenai Alam Melayu II 2005. Institut Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris. 22-24 Februari.
- Hashim Musa, Zainal Abidin Borhan & Mohd. Othman Yatim. (2001). "Konsep, Latar Belakang dan Pandangan Semesta Masyarakat Melayu". Dlm *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Harun Mat Piah. (2004). *Puisi Melayu tradisional nasihat dan pengajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- <http://mypantun.blogspot.my/>. Diakses pada 12 Jun 2016.
- <https://penyair.wordpress.com/tag/pantun-perantau/>. Diakses pada 12 Jun 2016.
- Nathan, J. E. (1922). *The census of British Malaya*. Federated Malay States.
- Gullick, J. M. (1963). *Malaya*, London: E. Benn.
- Kato, Tsuyoshi. (1989). *Nasab ibu dan Merantau: Tradisi Minangkabau yang berterusan di Indonesia*. Terj. Azizah Kassim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khoo Kay Kim. (1967). 'The Western Malay States 1861-1873'. Tesis M.A., Universiti Malaya.
- Mochtar Naim. (1984). *Merantau: Pola migrasi suku Minangkabau*. Yogyakarta: Penerbit Universitas Gadjah Mada.
- Mohd. Razali Agus. (1993). "Perubahan pertanian padi di Negeri Selangor Darul Ehsan: Tumpuan khas ke atas daerah Kuala Selangor". Dlm. Nik Safiah Karim (penyunting). *Segemal Padi Sekuncu Budi*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

- Mohd. Salleh Lamry. (2004). "Mereka yang terpinggir: Orang Melayu di Sumatera Utara". Dlm. *Jurnal Antarabangsa Melayu*. Jilid 2 Bil. 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Yusof Md. Nor & Abd. Rahman Kaeh. 1991. *Puisi Melayu Tradisi*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Muhammad Haji Salleh. (2006). "Dalam Daun Ada Bicara: Falsafah Alam Melayu". Dlm. *Pandangan Semesta Melayu Pantun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim. (2006). "Keindahan Bahasa Melayu dalam Pantun". Dlm. *Pandangan Semesta Melayu Pantun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norhalim Hj. Ibrahim. (1990). *Tanah Adat Terbiar pada Zaman Pembangunan*. Dlm. *Norazit Selat (penyunting) Negeri Sembilan Dulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur: United Selangor Press Sdn. Bhd.
- Norhayati Ab. Rahman. (2014). "Migrasi Dunia Melayu dengan Induk Indonesia-Malaysia dalam Karya Sasterawan Negara Arena Wati". *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, Jilid 7. Bil. 2014. hlm. 192-211.
- Pelly, U. (1994). *Urbanisasi dan Adaptasi, Peranan Budaya dan Misi Budaya Minangkabau dan Mandailing*. Jakarta: LP3ES.
- Pelras, Christian. (1997). *The Bugis*. United States: Blackwell Publishing.
- Perak Government Gazette 1904.
- Pountney, A. M. (1911). *The Census of the Federated Malay States, 1911: Review of the census operations and results including tables exhibiting the population by sex, age, race, birthplace, religion and occupation*. London: Darling.
- Proceedings of the Federal Malay States Council*, 1910.
- Rahilah Omar, Khazin Mohd. Tamrin, Nordin Hussin dan Nelmawarni. (2009). "Sejarah Kedatangan Masyarakat Bugis ke Tanah Melayu: Kajian Kes di Johor". *JEBAT* 36.
- Saunders, Graham. (1977). *The Development of a Plural Society in Malaya*. Kuala Lumpur: Longman Malaysia.
- Syed Husin Ali. (2008). *Orang Melayu Masalah dan Masa Depan*. Kuala Lumpur: Harakah.
- Zalila Sharif. 2006. "Pemikiran Politik Melayu dalam Pantun". Dlm. *Pandangan Semesta Melayu Pantun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.